

**AMALAN WAKAF DALAM KALANGAN  
MASYARAKAT ISLAM DI KOTA  
BHARU KELANTAN**

**Nor Aishah Ismail\*, Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad**

*Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris*

---

**ABSTRAK**

Wakaf merupakan salah satu institusi Islam yang telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. yang mana ia merupakan gabungan elemen rohaniah dan kebendaan. Wakaf berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan umat Islam. Walau bagaimanapun, hasil kajian terdahulu mendapati tahap kefahaman masyarakat terhadap wakaf adalah pada tahap sederhana. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat Islam. Kaedah borang selidik digunakan melibatkan 365 orang responden di daerah Kota Bharu Kelantan. Model regresi logistik diaplikasikan bagi tujuan mengetahui hubungan antara faktor-faktor yang dikenal pasti. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah dalaman iaitu faktor kepercayaan kepada agama, faktor kerohanian dan faktor kepuasan kebajikan adalah signifikan mempengaruhi amalan berwakaf. Turut mempengaruhi amalan berwakaf adalah pemboleh ubah demografi seperti tingkat pendapatan, tahap pendidikan, status pekerjaan dan bilangan tanggungan. Kajian ini membuktikan bahawa institusi wakaf dan pewakaf berperanan penting untuk memastikan objektif kajian melalui amalan wakaf dapat dicapai.

---

**Kata kunci:** Wakaf, Regresi Logistik, Kepercayaan kepada Agama, Kerohanian, dan Kepuasan Kebajikan.

**Pengenalan**

---

\* Corresponding author: Nor Aishah Ismail. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. E-mail: [nor\\_aishahismail@yahoo.com](mailto:nor_aishahismail@yahoo.com)

Wakaf merupakan instrumen yang semakin mendapat perhatian dalam pelaksanaan ekonomi Islam masa kini. Hal ini kerana ia merupakan instrumen yang dapat menjamin keperluan masyarakat Islam dipenuhi di samping mendapat keredhaan Allah s.w.t. Pensyariatan wakaf dapat dilihat daripada firman Allah s.w.t. dalam surah al - Imran ayat 92 yang berbunyi:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ  
فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya:

*“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan dan kebaktian yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian dari harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah maha mengetahui”*

*Surah Ali-Imran (3): 92*

Kemuliaan amalan wakaf telah bermula seawal sebelum kedatangan Islam lagi yang mana bermula dengan pembinaan masjid al-Haram di Mekah dan al-Aqsa di Palestin (Osman, 2002). Kemudian, pembinaan masjid Quba’ dan masjid Nabawi menjadi bukti bahawa Rasulullah s.a.w. merupakan hamba Allah s.w.t. pertama yang berwakaf dalam sejarah Islam iaitu pada tahun ke-3 Hijrah selepas perang Uhud. Masjid yang didirikan hasil sedekah jariah wakaf ini dijadikan sebagai tempat bermesyuarat, tempat mengadakan mahkamah perbicaraan, pejabat mengatur negara dan menyusun ketenteraan yang paling penting. Di masjid ini juga umat Islam dihimpunkan untuk menerima ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. Pembinaan kedua-dua masjid melalui kaedah wakaf mampu menjadi sebuah pusat pentadbiran masyarakat yang berkesan.

Amalan wakaf di Malaysia berkembang dengan tertubuhnya pondok-pondok pengajian agama untuk anak-anak mendapatkan pengetahuan agama secara tradisional. Dalam pengurusan harta wakaf, perundangan telah menetapkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal kepada semua jenis harta wakaf di Malaysia, sama ada wakaf yang melibatkan harta tak alih atau harta alih. Tugas MAIN adalah untuk mengurus dan mentadbir harta wakaf (Asmak, 2009). Walau bagaimanapun, peruntukan wakaf di dalam enakmen-enakmen negeri didapati tidak bersifat menyeluruh. Ia lebih menekankan aspek-aspek pentadbiran dan prosedur ringkas tentang wakaf (Siti Mashitoh, 2006).

Kelantan merupakan antara negeri yang mempunyai populasi penduduk Islam yang ramai. Sehubungan itu, tidak menghairankan nilai tanah wakaf di Kelantan merupakan antara tiga negeri tertinggi di Malaysia walaupun jumlahnya begitu sedikit berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Secara tidak langsung, ia menunjukkan bahawa tanah yang diwakafkan merupakan tanah yang berada di lokasi strategi. Namun demikian 70 peratus daripada tanah wakaf yang didaftarkan diklasifikasikan sebagai tidak aktif. Ini adalah kerana tanah tersebut di wakafkan bagi tujuan rumah ibadat seperti masjid atau surau dan tanah perkuburan sahaja (Portal Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 2013). Statistik tanah wakaf di negeri Kelantan

sehingga tahun 2013 menunjukkan peningkatan. Masyarakat Kelantan didapati cenderung mewakafkan tanah kosong berbanding benda-benda lain kerana faedahnya adalah lebih besar dan menguntungkan. Sehubungan itu, memandangkan wujudnya jurang pengoptimuman terhadap penggunaan tanah wakaf disebabkan jurang kefahaman masyarakat terhadap pensyariatan wakaf, maka faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku perlu diselidiki.

Jadual 1: Statistik Wakaf Mengikut Negeri di Malaysia

Negeri	Keluasan Tanah Wakaf (Hektar)		Jumlah Keluasan (Hektar)	Nilai Tanah Wakaf (RM)	Nilai Tanah Wakaf per hektar (RM)
	Am	Khas			
Johor	1,422.80	1,729.50	3,152.30	7,000,500.00	2,220.76
Kedah	158.62	1,086.25	1,244.88	1,997.00	1.60
Kelantan	16.01	157.63	173.65	56,703,373.00	326,538.28
Melaka	11.65	21.60	33.25	66.50	2.00
Negeri Sembilan	1.01	14.49	15.50	36.00	2.32
Pahang	0.00	723.82	723.82	18,000,000.00	24,868.06
Perak	116.12	0.00	116.12	383.00	3.30
Perlis	2.74	14.49	17.23	1,337,998.00	77,655.14
Pulau Pinang	220.03	559.23	779.26	850,000,000.00	1,090,778.43
Sabah	2,062.88	32.28	2,095.16	103.00	0.05
Sarawak	6.86	4.04	10.90	1,416,781.90	129,979.99
Selangor	235.63	31.82	267.45	200,000,000.00	747,803.33
Terengganu	34.54	126.64	161.18	7,023,869.00	43,577.80
Wilayah Persekutuan	0.49	1.59	2.08	16.00	7.69
Jumlah	4,817.88	4,507.15	8,825.03	1,141,485,133.40	

**Sumber:** Portal Pengurusan Maklumat Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2013)

Berdasarkan kepada jadual 1, negeri Kelantan menunjukkan nilai tanah begitu tinggi iaitu RM326, 538.28 sehektar. Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Kelantan mewakafkan aset yang mempunyai nilai begitu tinggi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong masyarakat Islam di Kelantan untuk berwakaf. Melalui kajian ini mampu memenuhi lompong kajian lepas yang lebih tertumpu pada aspek teoritikal wakaf sahaja.

### **Kajian Lepas**

Wakaf membawa maksud suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara terang (sorih), atau sindiran (kinayah), di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum ataupun khusus (Asmak, 2009). Dari sudut istilah, wakaf bermaksud apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya dan berkeadaan baik untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah s.w.t. (Sanep & Nur Diyana, 2011).

Monzer (1980) menjelaskan bahawa kepercayaan kepada agama dengan berpaksikan keimanan dan ketakwaan mempengaruhi individu Islam bersederhana dalam

memenuhi keperluan hidupnya dan lebih menitikberatkan kepada *infak fisabilillah* dengan mengorbankan sebahagian harta ke jalan Allah s.w.t. Mereka mempercayai bahawa akhirat adalah faktor setiap tingkah laku sewaktu hidup di dunia. Individu Islam membantu orang lain atas dasar kemanusiaan dan ia merupakan salah satu cara untuk menjadi manusia yang beriman. Oleh itu, keagamaan merupakan motivasi penting dalam jiwa individu yang hendak melakukan kebajikan seperti sedekah, infak, wakaf dan zakat. Setiap agama telah mengajar penganutnya melakukan amal kebajikan. Hal ini kerana, melalui kebajikan, dapat mengurangkan masalah kemiskinan masyarakat. Justeru itu, terdapat kajian-kajian lepas yang membincangkan kesignifikanan hubungan antara faktor keagamaan dan amal kebajikan. Sebagai contoh, hasil kajian Reitsma et al, (2006) mendapati bahawa salah satu faktor yang mempengaruhi individu untuk menderma kepada negara miskin adalah faktor keagamaan. Dapatan kajian mereka juga disokong oleh Jackson et al. (1995), Gittel & Tebaldi (2006) dan Edison & German (2004) yang menjelaskan bahawa faktor keagamaan adalah petunjuk penting dalam mendorong masyarakat menderma kepada badan-badan amal. Selain itu, Greene, Pamela & Robert (2001) menyatakan bahawa faktor keagamaan akan meningkatkan motivasi menderma dalam kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah.

Nilai kerohanian dalam kebajikan bermulanya dengan kecintaan terhadap Allah s.w.t. Individu yang mencintai Allah s.w.t. adalah individu yang faham dan sedar tentang Islam dan sedar akan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah s.w.t. Dengan kecintaan kepada Allah s.w.t. akan lahirnya kecintaan sesama manusia. Hadirnya perasaan cinta kepada manusia mendorong sifat saling bantu-membantu antara satu sama lain seperti yang kaya membantu yang miskin (Surtahman & Sanep, 2005). Hikmah amalan berwakaf juga melahirkan nilai kecintaan dan kasih sayang serta keprihatinan dalam diri umat Islam terhadap saudara seislam agar saling bantu-membantu (Syahnaz, 2008). Kehadiran nilai-nilai tersebut dalam diri individu Islam adalah kerana mereka yakin bahawa harta yang ada di muka bumi merupakan milik mutlak Allah s.w.t dan ia juga merupakan pinjaman dari-Nya (Mahyuddin, 2011). Oleh itu, mereka perlu berkongsi pinjaman dari Allah itu bersama-sama dengan individu lain agar mendapat keredhaan Allah s.w.t. Berdasarkan Rohayu & Razali (2009), setelah melakukan wakaf, pewakaf akan berasa gembira dan bersyukur kerana dapat mendermakan sebahagian hartanya untuk membantu orang yang memerlukan. Sementara itu, penerima wakaf juga berasa bersyukur kerana keperluan asasnya dapat dipenuhi. Dengan ini, individu Islam dapat mendidik jiwa mereka agar mengorbankan harta demi menjalankan tanggungjawabnya terhadap orang yang memerlukan supaya kegembiraan, kebahagiaan dan kesyukuran dapat dirasakan dalam kalangan pewakaf dan penerima wakaf tanpa timbul sebarang konflik.

Dalam melakukan amal kebajikan, kepuasan dapat dicapai apabila individu menggunakan harta atau pendapatan mereka bukan sahaja untuk kegunaan diri sendiri dan keluarga, malah turut digunakan untuk kebajikan masyarakat dengan harapan mendapat keredhaan Allah s.w.t. Kepuasan yang diperoleh, memberikan tenaga dan ketenangan kepada individu untuk lebih beribadat kepada Allah s.w.t., serta memberikan semangat untuk terus bekerja dan berusaha (Surtahman & Sanep, 2005). Kepuasan kebajikan turut dirasakan apabila pewakaf sedar bahawa amalan wakaf dapat mewujudkan peluang pembangunan ekonomi kepada umat Islam di samping mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin. Sementara itu, kadar kemiskinan juga turut dikurangkan menerusi pembentukan semula komuniti berasaskan pelan pembangunan harta wakaf secara bersepadu (Portal Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, 2013). Oleh itu, wakaf

berperanan penting dalam perkembangan ekonomi, keagamaan dan memartabatkan syiar Islam (Mohamad Akram et al. 2008).

Menurut kajian Kitchen & Dalton, (1990), hasil kajiannya mengenai penentu sumbangan derma oleh isi rumah di Kanada, mendapati isi rumah yang berpendapatan tinggi lebih cenderung untuk menyumbang lebih banyak wang kepada badan amal secara mutlak jika dibandingkan dengan isi rumah yang mempunyai pendapatan rendah. Iannaccone, (1997) dan Finke, et al. (2006), menjelaskan bahawa individu atau keluarga yang mempunyai pendapatan yang tinggi lebih banyak menderma kepada pertubuhan agama. Begitu juga dengan kajian Gittel & Tebaldi (2006) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pemberian kebajikan di Amerika Syarikat, mendapati peningkatan dalam pendapatan negara berkapita, meningkatkan purata pemberian amal kebajikan percukai.

Tahap pendidikan juga salah satu faktor penting yang dikaji sebagai penentu kepada individu melakukan derma. Menurut Eisenberg & Miller, (1987), individu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi lebih cenderung melakukan derma. Hal ini kerana timbul rasa simpati individu tersebut ke atas orang yang kurang berkemampuan. Kajian Tiehen (2001) pula mendapati wujud hubungan yang signifikan antara tahap pendidikan dengan pemberian derma. Golongan yang mempunyai pendidikan tinggi seperti ijazah sarjana memperoleh pendapatan tinggi dan seterusnya menyumbang lebih untuk kebajikan. Golongan ini juga terlibat dengan aktiviti sosial masyarakat dan lebih merasakan bahawa menyumbang itu adalah satu kewajipan bagi mereka.

Dalam kajian Reitsma, et al. (2006), turut menyentuh mengenai faktor pekerjaan sebagai penentu kepada individu untuk menderma. Menurut beliau, individu yang bekerja sendiri lebih cenderung melakukan derma. Namun, individu yang bekerja dengan majikan dan individu yang sudah bersara tidak terlalu suka untuk melakukan derma.

Bagi faktor bilangan tanggungan, dapatan kajian bagi kajian-kajian lepas yang dilakukan di United Kingdom dan Ireland, menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara bilangan tanggungan dengan pemberian derma. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Carroll et al. (2006); Pharoah & Tanner (1997); dan Tiehen (2001). Sementara itu, kajian Wiepking (2007) menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif di antara bilangan isi rumah dengan membuat derma kepada organisasi perlindungan kanak-kanak. Sebaliknya, dapatan kajian oleh Brooks (2002), Feldman (2007), Houston (2006) dan Marx (2000) mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif antara bilangan isi rumah dengan pemberian derma.

## **Metodologi**

Kajian ini dijalankan kepada individu Islam di daerah Kota Bharu Kelantan. Persampelan dilakukan secara rawak ke atas 365 individu Islam. Saiz sampel ini diambil berdasarkan kepada jadual saiz sampel Krejcie & Morgan (1970).

Data dianalisis menggunakan analisis regresi logistik untuk melihat kebarangkalian faktor yang mempengaruhi individu berwakaf. Pemboleh ubah bersandar berbentuk dikotomus iaitu nilai 1 diwakili dengan melakukan wakaf dan 0 sebaliknya. Bagi

menganggarkan kebarangkalian masyarakat Islam melakukan wakaf, model logit telah digunakan.

Model umum adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1|X_i) = \frac{1}{1 + e^{-Z_i}} \quad (1)$$

Di mana:  $P_i$  adalah kebarangkalian bagi responden yang melakukan wakaf iaitu  $Y=1$  dan  $Y=0$  bagi responden yang tidak melakukan wakaf. Berdasarkan persamaan (1), persamaan kebarangkalian bagi responden yang melakukan wakaf boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = \frac{1}{1 + e^{-Z_i}} = \frac{e^{Z_i}}{1 + e^{Z_i}} \quad (2)$$

Di mana  $Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_i + \dots + \beta_i X_i$

Manakala persamaan kebarangkalian bagi responden yang tidak melakukan wakaf boleh ditulis seperti berikut:

$$1 - P_i = \frac{1}{1 + e^{Z_i}} \quad (3)$$

Berdasarkan kepada persamaan (2) dan (3), ratio kebarangkalian untuk responden melakukan wakaf adalah seperti berikut:

$$\frac{P_i}{1 - P_i} = \frac{1 + e^{Z_i}}{1 + e^{-Z_i}} = e^{Z_i} \quad (4)$$

Daripada persamaan (4), persamaan (5) dapat dibentuk dengan memasukkan natural log:

$$\begin{aligned} L_i &= \ln \left( \frac{P_i}{1 - P_i} \right) = Z_i \\ &= \beta_0 + \beta_1 X_1 + \dots + \beta_i X_i \end{aligned} \quad (5)$$

$L$  ialah *log of the odds* atau dikenali juga sebagai logit yang mana ia merupakan fungsi linear dalam pemboleh ubah bebas ( $X$ ) yang berbentuk pemboleh ubah kategorikal dan selanjar. Berdasarkan persamaan Berdasarkan persamaan (5), kajian ini menguji pemboleh ubah yang dikenal pasti mempengaruhi masyarakat berwakaf iaitu:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (6)$$

Di mana  $Z_i$  ialah satu fungsi  $f(X)$  dengan  $X$  adalah pemboleh ubah bebas yang dikenal pasti iaitu tingkat pendapatan, tahap pendidikan, status pekerjaan, bilangan tanggungan, kepercayaan kepada agama, kepuasan kebajikan dan kerohanian.

Berdasarkan kepada persamaan (6), model khusus yang dianggarkan adalah seperti berikut:

$$Li = \ln \left( \frac{P_i}{1-P_i} \right) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 \quad (7)$$

Di mana:

- $L$  = Log bagi nisbah 'odds' amalan berwakaf dengan  $Y=1$
- $X_1$  = Kepercayaan kepada Agama
- $X_2$  = Kerohanian
- $X_3$  = Kepuasan Kebajikan
- $X_4$  = Tingkat pendapatan
- $X_5$  = Tahap Pendidikan
- $X_6$  = Status Pekerjaan
- $X_7$  = Bilangan Tanggungan

Kesemua pemboleh ubah dalam persamaan (7) diuji untuk menentukan pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi masyarakat Islam melakukan wakaf. Pemboleh ubah bersandar telah dikod dengan kod dami seperti  $P_i = 1$  jika individu melakukan wakaf dan  $P_i = 0$  jika individu tidak melakukan wakaf.

### Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada jadual 2, menunjukkan dengan jelas terdapat frekuensi yang berbeza antara masyarakat yang melakukan wakaf dan tidak melakukan wakaf iaitu masing-masing sebanyak 60% dan 40%.

Jadual 2: Penglibatan terhadap Wakaf

Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)
Melakukan wakaf	219	60.0
Tidak melakukan wakaf	146	40.0
Jumlah	365	100

Jadual 3 pula menunjukkan klasifikasi benar setelah dimasukkan pemboleh ubah bebas. Model yang sempurna mestilah mempunyai peratus benar keseluruhan 100%.

Jadual 3: Klasifikasi Regresi Logistik dengan Pemboleh ubah bebas

Pemerhatian	Diramalkan	
	Tidak melakukan wakaf	Melakukan wakaf
Tidak melakukan wakaf	111	35
Melakukan wakaf	49	170

Nota: Klasifikasi Benar selepas masuk pemboleh ubah (%)

Tidak melakukan wakaf = 76.0; Melakukan wakaf = 77.6; Keseluruhan = 77.0%

Berdasarkan jadual 3, model telah meramalkan 77.0% daripada pemerhatian sebenar dan berupaya untuk meramal mereka yang melakukan wakaf berbanding tidak melakukan wakaf. Walau bagaimanapun, bilangan responden melakukan wakaf dan tidak melakukan wakaf adalah tidak seimbang. Menurut Hair et al. (2010), walaupun model ini berjaya meramal dengan betul lebih daripada 50% pemerhatian dengan betul tidak seharusnya digunakan sebagai ukuran kesesuaian model. Oleh itu, kriteria kemungkinan bernisbah (Proportional chance criterion) telah digunakan seperti persamaan berikut:

$$C_{prop} = p^2 + (1 - p)^2$$

Di mana:

$p$  = nisbah responden melakukan wakaf

$1-p$  = nisbah responden tidak melakukan wakaf

Apabila kriteria ini digunakan untuk sampel dengan nisbah 60% dan 40%, tahap yang harus digunakan untuk menguji kesesuaian model ialah 52.0%. Dengan ini, jelas menunjukkan keupayaan model yang dianggar meramal dengan betul 77% daripada pemerhatian sebenar mengatasi tahap yang diperlukan untuk kesesuaian model.

Jadual 4 pula menunjukkan hasil keputusan regresi logistik yang juga menggunakan persamaan (7) untuk menguji pengaruh masyarakat berwakaf. Hasil kajian ini menunjukkan kesemua pemboleh ubah iaitu tingkat pendapatan, tahap pendidikan, status pekerjaan, bilangan tanggungan, kepercayaan kepada agama, kerohanian dan kepuasan kebajikan adalah signifikan mempengaruhi masyarakat melakukan wakaf. Bagi pemboleh ubah tingkat pendapatan, bilangan tanggungan, kepercayaan kepada agama dan kepuasan kebajikan mempunyai hubungan yang positif. Walaupun begitu, terdapat juga pemboleh ubah yang berhubungan negatif dengan amalan masyarakat berwakaf iaitu faktor tahap pendidikan, status pekerjaan dan nilai kerohanian. Walau bagaimanapun ketiga-tiganya adalah signifikan mempengaruhi masyarakat berwakaf.

Jadual 4: Pemboleh ubah dalam Persamaan

Faktor	Pekali, B	Sisihan Piawai	Statistik Wald	Darjah kebebasan	Sig.	Exp (B)
Kepercayaan kepada Agama	0.864	0.382	5.104	1	0.024	2.371
Kerohanian	-2.058	0.525	15.373	1	0.000	0.128
Kepuasan Kebajikan	1.367	0.437	9.777	1	0.002	3.922
Tingkat Pendapatan	1.420	0.278	26.164	1	0.000	4.138
Tahap Pendidikan	-0.833	0.197	17.896	1	0.000	0.435
Status Pekerjaan	-0.469	0.212	4.905	1	0.027	0.626
Bil. Tanggungan	0.989	0.297	11.108	1	0.001	2.690
Konstan	-1.315	1.495	0.773	1	0.379	0.269

Nota: Signifikan pada aras keertian 5%

Kajian ini juga membuktikan pemboleh ubah kepercayaan kepada agama adalah signifikan mempengaruhi masyarakat berwakaf. Nilai log nisbah *odds* adalah 0.864 di mana nilai exp koefisien ialah 2.371. Ini bermakna bahawa sekiranya kepercayaan kepada agama meningkat 1 unit, nisbah *odds* adalah sekali ganda lebih besar. Oleh itu, peningkatan 1 unit dalam kepercayaan kepada agama mempengaruhi masyarakat berwakaf sebanyak 137.1%. Ini menunjukkan bahawa aspek kepercayaan kepada agama merupakan satu aspek yang penting mempengaruhi masyarakat wakaf.



Pemboleh ubah kerohanian, adalah berhubungan negatif dengan masyarakat berwakaf pada nilai exp koefisien 0.128. Ini menunjukkan tiada sikap kerohanian dalam diri menyebabkan kurangnya penglibatan masyarakat dalam berwakaf. Contohnya, jika individu tidak bersyukur dengan nikmat pemberian Allah s.w.t akan menyebabkan mereka menjadi tamak dan kedekut dengan harta atau pendapatan yang diperolehinya. Oleh sebab itu, sukar bagi mereka untuk membantu antara satu sama lain dan sekali gus menyebabkan mereka kurang berminat untuk berwakaf. Rumusannya, sifat kerohanian adalah sangat penting dalam mendorong individu melakukan wakaf.

Pemboleh ubah seterusnya ialah kepuasan kebajikan. Pemboleh ubah ini berhubungan positif dengan amalan masyarakat berwakaf di mana nilai log nisbah *odds* adalah 1.367 dan nilai exp koefisien ialah 3.922. Ini bermaksud sekiranya tahap kepuasan kebajikan meningkat sebanyak 1 unit, nisbah *odds* adalah 2 kali ganda besar. Oleh itu, peningkatan 1 unit dalam kepuasan kebajikan mempengaruhi masyarakat berwakaf sebanyak 292.2%.

Nilai log nisbah *odds* pemboleh ubah tingkat pendapatan adalah 1.420 di mana nilai exp koefisien ialah 4.138. Ini bermakna apabila pendapatan meningkat sebanyak 1 unit, nisbah *odds* adalah 3 kali ganda lebih besar. Oleh itu, peningkatan 1 unit dalam pendapatan mempengaruhi masyarakat berwakaf sebanyak 313.8%.

Bagi pemboleh ubah tahap pendidikan, ia berhubungan negatif dengan masyarakat berwakaf pada nilai exp koefisien 0.435. Ini menunjukkan tahap pendidikan yang rendah menyebabkan kurangnya individu melakukan wakaf. Ini bermakna kurangnya ilmu pengetahuan dalam diri individu menyebabkan kurangnya kesedaran dan minat tentang amalan berwakaf dan sekali gus membuatkan mereka tidak melakukan wakaf. Rumusannya, pendidikan adalah penting dalam mempengaruhi kesedaran individu melakukan wakaf.

Pemboleh ubah status pekerjaan juga berhubungan negatif dengan masyarakat berwakaf pada nilai exp koefisien 0.626. Ini menunjukkan, status individu yang tidak bekerja menyebabkan kurangnya penglibatan mereka dalam berwakaf. Ini bermakna dengan tiada pekerjaan menyebabkan individu tidak mempunyai pendapatan sendiri. Oleh sebab itu, kebarangkalian untuk mereka tindak melakukan wakaf adalah tinggi. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa status pekerjaan adalah faktor penting kepada individu untuk melakukan wakaf.

Bagi pemboleh ubah bilangan tanggungan, nilai log nisbah *odds* adalah 0.989 di mana nilai exp koefisien ialah 2.690. Peningkatan sebanyak 1 unit bilangan tanggungan, menyebabkan nisbah *odds* adalah sekali ganda lebih besar. Oleh itu, peningkatan 1 unit dalam bilangan tanggungan mempengaruhi masyarakat berwakaf sebanyak 169.0%. Ini dapat membuktikan bahawa walaupun mempunyai isi rumah yang ramai, ia tidak menghalang untuk masyarakat berwakaf.

Berikut merupakan persamaan regresi logistik yang dapat dibentuk daripada hasil yang diperoleh:

$$L_i = \ln \left( \frac{P_i}{1 - P_i} \right) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7$$

Amalan berwakaf = - 1.315 + 0.864 Kepercayaan kepada Agama – 2.058 Kerohanian  
+ 1.367 Kepuasan Kebajikan + 1.420 Tingkat Pendapatan –  
0.833 Tahap Pendidikan – 0.469 Status Pekerjaan + 0.989  
Bilangan Tanggungan

### **Implikasi dan Cadangan**

Kajian ini memberi implikasi penting kepada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan institusi wakaf yang mana melalui kajian ini, mereka akan mengetahui faktor-faktor yang mendorong masyarakat melakukan wakaf. Kajian ini juga memberi kebaikan kepada umat Islam khususnya kepada mereka yang masih ingin tahu mengenai wakaf dengan lebih terperinci.

Pihak MAIK perlu meningkatkan lagi kefahaman masyarakat Islam di Kelantan melalui pelbagai pendekatan termasuklah penerangan, ceramah, kempen dan sebagainya. Kajian ini mendapati faktor pendapatan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan bilangan tanggungan adalah signifikan mempengaruhi masyarakat berwakaf. Memandangkan masyarakat yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi, dan setelah bekerja makan gaji serta pendapatan yang semakin tinggi menunjukkan semakin tinggi kesedaran melakukan wakaf. Maka, kempen penerangan tersebut perlulah disasarkan khususnya kepada golongan yang berpendidikan rendah dan mereka yang bekerja sendiri atau yang belum bekerja serta mereka yang berpendapatan rendah. Kumpulan ini dirasakan masih kurang kesedaran melakukan wakaf tetapi berpotensi menjadi pewakaf pada masa hadapan.

Faktor tingkat pendapatan merupakan faktor yang paling banyak menyumbang kepada masyarakat berwakaf. Ia bukan sahaja didapati signifikan dalam amalan berwakaf, bahkan turut signifikan dalam amalan menderma. Ini dibuktikan dengan hasil kajian Iannaccone (1997); Finke, et al. (2006); Kitchen & Dalton (1990); dan Gittel & Tebaldi (2006) yang mana masing-masing menjelaskan bahawa isi rumah yang mempunyai pendapatan tinggi lebih cenderung untuk melakukan derma kepada badan amal. Ini bermakna amalan berwakaf dipengaruhi oleh keupayaan pendapatan selari dengan beberapa kajian dalam menderma.

Seterusnya faktor yang banyak menyumbang kepada amalan berwakaf ialah faktor kepuasan kebajikan dan faktor kepercayaan kepada agama. Kepuasan kebajikan dapat dirasai apabila individu melakukan amalan berwakaf. Dengan ini membuktikan bahawa bukan kebajikan menderma, zakat dan lain-lain ibadat sahaja yang akan memperoleh kepuasan kebajikan, malah dengan melakukan wakaf juga dapat menikmati kepuasan kebajikan. Semakin bertambah kepuasan kebajikan semakin bertambah keinginan masyarakat untuk melakukan amalan berwakaf. Keadaan yang sama turut dilihat kepada faktor kepercayaan kepada agama. Bukan kebajikan menderma sahaja dilakukan atas faktor keimanan, malah amalan berwakaf juga turut dilakukan di atas dorongan keimanan. Semakin kuat kepercayaan individu kepada agama semakin bertambah amalan kebajikan yang dilakukan khususnya dalam amalan berwakaf.

Bagi meningkatkan penglibatan masyarakat untuk berwakaf, pihak MAIK bertanggungjawab dalam memberi hebahan berkaitan wakaf kepada masyarakat Islam. Hebahan itu dapat disampaikan melalui media elektronik seperti radio dan televisyen, membina brosur dan pamflet untuk diedarkan kepada masyarakat

melalui akhbar dan majalah-majalah, menaikkan papan kenyataan di tepi-tepi jalan raya, membuka gerai pameran di ekspo atau karnival Islam, dan mengadakan hari, minggu atau bulan wakaf di kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, pihak MAIK dicadangkan untuk memberi arahan kepada imam-imam masjid agar dapat menyampaikan khutbah Jumaat berkaitan kepentingan amalan wakaf kepada masyarakat.

Bagi cadangan kajian akan datang, diharapkan kajian mengenai wakaf sentiasa dihasilkan untuk memberi banyak pendedahan dan membincangkan isu-isu yang berkait wakaf sebagai pengetahuan kepada masyarakat dan pihak pengurusan wakaf. Antara cadangan kajian yang boleh dikaji adalah seperti:

- i. Mengkaji perbandingan tahap penglibatan berwakaf antara kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta.
- ii. Mengkaji perbandingan sistem pengurusan wakaf antara negeri-negeri. Melalui kajian ini mungkin dapat melihat sama ada terdapat perbezaan dari segi pengurusan wakaf di setiap negeri, perbezaan tugas pihak pengurusan wakaf di setiap negeri dan dapat mengkaji pembangunan yang telah dilakukan ke atas tanah wakaf di setiap negeri.

### **Kesimpulan**

Peningkatan kesedaran terhadap wakaf adalah sangat penting. wakaf merupakan amalan sunat yang sangat dituntut yang mempunyai banyak kebaikan bukan sahaja kepada diri pewakaf, malah kepada ekonomi umat Islam. Masyarakat masih lagi kurang kesedaran berwakaf kerana kebanyakan mereka masih lagi memahami wakaf pada skop yang sempit. Masih kurang yang menyedari bahawa wakaf banyak kegunaan dan kebaikan pada masa kini. Oleh itu, institusi wakaf dan Majlis Agama Islam Kelantan sebagai pemegang amanah tunggal kepada semua jenis wakaf perlulah mempertingkatkan lagi kempen serta ceramah untuk memastikan masyarakat Islam khususnya di negeri Kelantan sedar akan kepentingan wakaf dan mengetahui matlamat serta falsafah di sebalik wakaf.

### **Rujukan**

- Asmak A. R. (2009), "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah* 17(1): 113-152.
- Brooks, A. C. (2002), "Welfare Receipt and Private Charity", *Public Budgeting & Finance* 22 (3): 101-114.
- Carroll, J., McCarthy, S. & Newman, C. (2006), "An Econometric Analysis of Charitable Donations in the Republic of Ireland", *the Economic and Social Review* 36 (3): 229-249.
- Edison, S & German, S (2004), "Why Do People Donate? A Model of Willingness to Donate", Diperoleh 7 Februari 2013 daripada <http://www.sbaer.uca.edu/research/sma/1995/pdf/06.pdf>
- Eisenberg, N. & Miller, P. A. (1987), "The Relation of Empathy to Pro social and Related Behaviours", *Psychological Bulletin* 101(1): 91-119.
- Feldman, N.E. (2007), "Time is Money: Choosing between Charitable Activities", Working paper, ben-gurion university, Israel. Unpublished manuscript.
- Finke, Roger, Matt, B., & Scheitle C. P (2006), "Toward Explaining Congregational Giving", *Social Science Research* 35(3): 620-641.

- Gittell, R. & Tebaldi E. (2006), "Charitable Giving: Factors Influencing Giving in US State", *Nonprofits and Voluntary Sector Quarterly* 35 (4): 721-736.
- Greene, Pamela, & Robert M. (2001), "Taxes and charitable giving", *National Tax Journal* 54(3): 433-453.
- Houston, D. J. (2006), "Walking the walk Of public service motivation: Public employees and charitable gifts of time, blood, and money", *Journal of Public Administration Research and Theory* 16(1): 67-86
- Jackson, E. F., Mark D. B., James R. W, & Elizabeth A. C (1995), "Volunteering and Charitable Giving: Do Religious and Associational Ties Promote Helping Behaviour?", *Nonprofits and Voluntary Sector Quarterly* 24(1): 59-78.
- Kitchen, H. & Dalton R. (1990), "Determinants of Charitable Donation by Families in Canada: A Regional Analysis", *Applied Economics* 22(3): 285-299.
- Iannaccone, Laurence R. (1997), "Skewness Explained: A Rational Choice Model of Religious Giving", *Journal for the Scientific Study of Religion* 26(2): 141-157.
- Mahyuddin, K. (2011), "Konsep Harta Dalam Islam. Muamalat dan Ekonomi Islam Universiti Teknologi Mara", Diperoleh 11 Ogos 2013 daripada <http://www.slideshare.net/emkay84/mei-konsep-harta-dalam-islam>
- Marx, J.D. (2000), "Women and Human Services Giving", *Social Work* 45 (1): 27-38.
- Mohamad, A. L., Mek, W. M., Mohd, F. S. (2008), "Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Waqaf", *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. 2(2): 1-23
- Monzer, K. (1980), "A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society", *Studies in Islamic Economics*, Khurshid Ahmad (ed), Universiti Raja Abdul Aziz Jeddah and The Islamic Foundation: United Kingdom.
- Osman, S. (2002), "Pengurusan Harta Wakaf", Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Edisi pertama.
- Portal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (2013), "Umat Islam Diseru Memahami Konsep Wakaf Lebih Luas", Diperoleh 26 Mac 2014 daripada <http://kpdnkk.bernama.com/newsBm.php?id=145517&>
- Portal Pengurusan Maklumat @ JAWHAR (2013), "Keluasan dan Nilai Tanah Wakaf", Diperoleh 17 September 2013 daripada <http://202.75.4.234/spmwj/>
- Pharoah, C. & Tanner, S. (1997), "Trends in Charitable Giving", *Fiscal Studies* 18 (4): 427-433.
- Reitsma, J., Peer, S & Manfred, T. G. (2006), "Dimensions of Individual Religiosity and Charity: Cross-National Effect Differences in European Countries?", *Review of Religious Research* 47(4): 347-362.
- Rohayu, A. G. & Razali, O. (2009), "Kuasa Barat Dan Aplikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf", *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 3(2): 2-24.
- Robert, V. K., Daryle, W.M. (1970), "Determining Sample Size for Research Activities", *Educational and Psychological Measurement* (30): 607-610
- Sanep, A. & Nur Diyana M. (2011), "Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia", *Prosiding PERKEM VI*, Jilid, 138-147.
- Siti Mashitoh M. (2006), "Undang-undang dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam di Malaysia", Selangor: Penerbit Universiti Malaya.
- Surtahman, K. H. & Sanep, A (2005), "Ekonomi Islam Dasar dan Amalan", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Terjemahan Al-Quran. Pustaka Darul Iman: Kuala Lumpur
- Syahnaz, S. (2008), "Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak", *Jurnal Muamalat* (1): 45-64.
- Tiehen, L. (2001), "Tax Policy and Charitable Contributions of Money", *National Tax Journal* 54(4): 707-823.

